

# Unit Penghijauan Khas ditubuh

4m 11/9 ms 17

JAMILAH ANG KHER LEM (kanan) menunjukkan inovasi daripada botol plastik kepada Michele Peter di taman mimi di Pulau Mabul, Semporna, Sabah.

**A**PABILA berpeluang ke Pulau Mabul Semporna, Sabah terdapat beberapa resort yang beroperasi di situ dengan pelbagai kelas atau kategori termasuklah yang mewah.

Namun tabiat segelintir penduduk atau mungkin pelancong yang suka membuang sampah merata-rata menyebabkan pulau tersebut kelihatan 'terbeban' dengan masalah tersebut, yang kebanyakannya berupa botol plastik dan sisa dapur.

Namun sejak pengenalan Inisiatif *Go Green* yang digerakkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), bersama Uncle Chang's Sipadan Mabul Dive Lodge, Kementerian Pendidikan Tinggi serta penduduk kampung, ada peningkatan kesedaran untuk menjadikan pulau tersebut lebih hijau dan mesra alam.

Oleh itu, apabila pengunjung tiba di resort berkenaan, kelihatan inovasi daripada bahan buangan seperti botol plastik yang dijadikan sampan, bekas telur digunakan untuk penyemaian benih, serta botol plastik besar dikitar semula dan dijadikan pasu bunga



SUDIRMAN HEDOH

yang unik dan dijual dengan harga RM3.

Semua program tersebut hasil Program Pemerkaaan Industri yang kini memasuki fasa kedua sejak dimulakan pada 2015 dan dilancarkan semula baru-baru ini dengan dana yang disumbangkan sendiri resort berkenaan

berjumlah RM96,000.

Susulan daripada kejayaan tersebut, resort berkenaan menubuhkan Unit Penghijauan Khas (*Go Green*) baru-baru ini yang akan melibatkan kakitangan dan penduduk kampung.

Menurut pengarah urusannya, **Jamilah Ang Kher Lem**, usaha pembersihan pulau Mabul memang menjadi keutamaan pihaknya sejak dari dulu lagi.

"Program pembersihan diadakan empat kali setahun melibatkan 30 penyelam skuba yang sering menjadikan pulau berkenaan sebagai lokasi aktiviti," ujarnya.

Sementara itu, ketua unit tersebut, **Sudirman Hedoh** berkata, beliau merancang untuk menjadikan resort tersebut lebih mesra alam dengan sokongan kakitangan.

"Unit Penghijauan Khas akan juga mengambil pekerja dari



## Program pembersihan diadakan empat kali setahun melibatkan 30 penyelam skuba yang sering menjadikan pulau berkenaan sebagai lokasi aktiviti."

komuniti Mabul untuk melancarkan kerja," ujarnya.

Selain itu, penglibatan kakitangan dan penduduk amat penting bagi memastikan matlamat tercapai dan kesedaran dapat dipertingkatkan.

Sebagai contoh, kata beliau pelajar *School of Hope* akan bergilir menjadi sukarelawan yang diberikan insentif untuk membantu kerja penghijauan supaya ilmu dapat disampaikan kepada mereka, manakala taman mini akan diperbanyak.



ANG KIAN CHONG @ DZAQOFF ANG

Sementara itu pengasas resort berkenaan, **Ang Kian Chong @ Dzaqoff Ang** yang popular dengan nama Uncle Chang, 59, gembira dengan pendekatan hijau itu yang sewajarnya diamalkan oleh resort lain yang beroperasi di pulau-pulau.

"Saya cadangkan inisiatif ini dan melihatnya sebagai sangat bagus dan menjadikan resort saya sebagai projek perintis," ujarnya.

Beliau mengusahakan resort berkenaan sejak 2006 bermula dengan lima bilik dengan modal hanya RM80. Pada hari ini, resort berkenaan mempunyai 32 bilik dengan jumlah kakitangan 48 orang.

Selain mengusahakan resort, beliau juga terlibat dengan beberapa cabang perniagaan lain dan membuka pusat jagaan anak yatim seramai 72 orang.

Sementara itu, seorang pelancong **Michele Peter** amat teruja dengan

konsep hijau yang amalkan resort tersebut. Pelajar Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan itu berpendapat, sudah sampai masanya aktiviti mesra alam diperhebat di pusat pusat pelancongan di negara ini.

